

Khair tokoh pejuang ulung: Najib

BH-20/11/2006

KUALA LUMPUR: Pemimpin veteran Umno, Tan Sri Mohd Khair Johari disifatkan sebagai seorang tokoh pejuang negara yang ulung serta banyak menyumbang kepada kejayaan negara ketika hayatnya.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang menganggap Mohd Khair sebagai tokoh utama dalam lipatan sejarah negara, melahirkan rasa sedih dengan kembalinya Allahyarham ke rahmatullah semalam.

"Beliau adalah anggota Kabinet pertama dan tentu sekali kita akan sentiasa mengenang sumbangannya," katanya kepada pemberita selepas memberi penghormatan terakhir kepada Allahyarham di Masjid Negara, di sini, semalam.

Najib yang mewakili Kerajaan juga menyampaikan ucapan takziah kepada seluruh keluarga Allahyarham atas kehilangannya.

Sementara itu, kalangan pemimpin politik baru dan lama yang dihubungi semalam menyifatkan pemergian Mohd Khair sebagai satu kehilangan besar kepada parti dan negara kerana sumbangannya selama ini tidak ternilai.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata Umno kehilangan satu nama besar berikutan pelbagai jasa Allahyarham terutama dalam membantu perjuangan negara menuntut kemerdekaan.

Beliau menyifatkan Allahyarham Mohd Khair sebagai seorang yang mempunyai keperibadian tinggi setanding dengan nama besar lain seperti Almarhum Tunku Abdul Rahman dan

Tan Sri Senu Abdul Rahman.

"Kita kehilangan seorang pemimpin ulung yang sejak dari awal sama berjuang dengan Tunku. Allahyarham banyak berjasa kepada pembangunan negara," katanya ketika dihubungi di Afrika Selatan.

Pemimpin veteran Umno, Tan Sri Azahari Taib, berkata banyak kejayaan dicapai ketika Mohd Khair menjadi Menteri Kabinet dan antara yang paling utama ialah penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka.

"Selain itu, Allahyarham juga

memperjuangkan supaya pelaksanaan bahasa kebangsaan digunakan di sekolah walaupun mendapat pelbagai tentangan serta kritikan daripada pihak tertentu," katanya.

Azahari yang hanya mengetahui berita kematian Mohd Khair apabila dihubungi *Berita Harian* semalam berkata, beliau sentiasa mendoakan kesejahteraan Allahyarham dan jasanya perlu terus dikenang.

"Pemergian Mohd Khair adalah kehilangan besar kepada negara sebagai antara pemimpin yang sentiasa

memberi perhatian berat kepada soal pendidikan orang Melayu.

Bekas Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tan Sri Zaleha Ismail pula berkata, Allahyarham Mohd Khair ialah seorang yang amat prihatin kepada pelajaran anak Melayu.

"Perkara itu jelas terbukti menerusi Laporan Khair Johari dan lebih daripada itu, Allahyarham sebenarnya ialah antara tokoh yang paling setia dan ikhlas kepada perjuangannya dalam parti," katanya.